



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN,
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

**KENYATAAN SEBUTHARGA
PADA 6 JULAI 2017**

Sebutharga adalah dipelawa kepada **Kontraktor-Kontraktor Bumiputera Tempatan** yang berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB) dalam kelas dan gred pendaftaran yang berkaitan serta masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi kerja-kerja berikut:-

No. Sebut Harga	Tajuk	Kelas Pendaftaran	Harga Dokumen (RM)	Tarikh/ Masa & Tempat Lawatan Tapak
SH/ SUKNS/ BIL.19/ 2017	Kerja-Kerja Menaiktaraf Dan Menyelenggara Tandas Blok A (Aras B1), Blok B (Aras G) Blok D (Aras G) Serta Kerja-Kerja Yang Berkaitan Di Wisma Negeri, Seremban, Negeri Sembilan Peringatan : Lawatan tapak adalah diwajibkan. Sebarang rayuan tidak akan diterima. Hanya Pemilik Syarikat Sahaja Yang Dibenarkan Menghadiri Lawatan Tapak.	Kelas: G2 Kategori B Pengkhususan B04 & B13	RM50.00 setiap satu borang	12/7/2017 (Rabu) 9.00 pagi Bilik Kenanga, Tingkat 1, Blok D, Wisma Negeri, 70503 Seremban, Negeri Sembilan

Dokumen sebut harga boleh didapati mulai **12 Julai 2017** hingga **20 Julai 2017** pada waktu pejabat di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan (Unit Kewangan), Tingkat 5, Blok A, Wisma Negeri, 70503 Seremban, Negeri Sembilan dengan dikenakan bayaran seperti di atas dalam bentuk tunai dan bayaran ini tidak akan dikembalikan.

Kontraktor / pembekal dikehendaki membawa Sijil Pendaftaran Asal **Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** serta **Sijil Pengiktirafan Bumiputera** semasa membeli dokumen sebutharga. Dokumen yang telah lengkap diisi disertakan bersama satu salinan bagi ketiga-tiga Sijil tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan dimasukkan ke dalam peti sebutharga di alamat **Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan, (Unit Kewangan), Tingkat 5, Blok A, Wisma Negeri, 70503 Seremban, Negeri Sembilan.**

Tarikh tutup sebutharga iaitu **sebelum atau pada jam 12.00 tengah hari, 20 Julai 2017 (Khamis).** Sebutharga yang lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.